



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (07 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **tiga (3) kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Kes baharu ini masing-masing satu (1) di Daerah Kuching, Sri Aman dan Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 724 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu Yang diKesan.

i) Kes Ke-722 (Kes Import B)

Kes ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bertugas dan menetap di Sri Aman sebagai seorang penjawat awam. Kes telah menjalani saringan rawak COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) semasa tiba dengan penerbangan dari Kuala Lumpur (KLIA-2) setelah balik bercuti di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kes balik ke Kuala Lumpur pada 25 September 2020.

Ujian saringan rT-PCR COVID-19 yang telah dilakukan pada 3 Oktober 2020 dan keputusan pada 6 Oktober 2020 menunjukkan kes positif COVID-19. Kes telah diarahkan untuk menjalani kuarantine di rumah selepas menjalani saringan COVID-19 pada 3 Oktober 2020.

Kes juga pernah menjalani saringan secara rawak pada 24 Ogos 2020 semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching selepas pulang dari Kuala Lumpur tetapi keputusan ujian saringan rT-PCR kes adalah negatif. Kes tidak mempunyai sejarah ke luar negara atau melawat Sabah tetapi kes sering berulang alik ke Pahang melalui penerbangan dari Kuala Lumpur.

Kes tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang berkemungkinan telah mendapat jangkitan semasa berada di Semenanjung Malaysia. Siasatan lanjut dan pengesahan semua kontak kepada kes ini masih dijalankan.

ii) Kes Ke-723 (Kes Import B)

Kes ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang telah melakukan perjalanan balik dari Kuala Lumpur melalui penerbangan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA-1) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA) pada 03 Oktober 2020.

Semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada 3 Oktober 2020, kes telah menjalani saringan rawak COVID-19 dan keputusan ujian rT-PCR kes pada 06 Oktober 2020 adalah positif COVID-19. Berdasarkan maklumat di dalam sistem *eHealth Declaration*, kes pernah beberapa kali berulang alik ke Kota Kinabalu, Sabah dan kali terakhir kes balik dari Sabah ialah pada 26 September 2020 melalui Lapangan Terbang Miri. Kes telah diambil swab saringan COVID-19 semasa tiba di Miri dan keputusan pada waktu itu adalah negatif.

Walau bagaimanapun, semasa tiba dari Kuala Lumpur pada 3 Oktober 2020, kes telah gagal membuat pengisytiharan bahawa kes pernah melakukan perjalanan ke Sabah dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Kes tidak menunjukkan tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes Import B yang telah mendapat jangkitan semasa berada di kawasan yang berisiko tinggi iaitu kemungkinan di Sabah. Siasatan lanjut dan pengesahan semua kontak kepada kes ini masih dijalankan.

iii) Kes Ke-724 (Kes Import B)

Kes ini merupakan seorang lelaki warganegara tempatan yang bekerja di Tawau, Sabah sebagai anggota keselamatan. Kes telah balik ke Bintulu menggunakan penerbangan dari Tawau ke Kota Kinabalu, Sabah dan seterusnya Miri pada 27 September 2020. Kes kemudian meneruskan perjalanan dari Lapangan Terbang Miri ke Bintulu menggunakan kenderaan milik keluarga kes. Kes telah diberi cuti kebajikan untuk bertemu dengan keluarga kes di Bintulu.

Sebelum pulang ke Sarawak, kes telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah makmal swasta di Tawau, Sabah pada 24 September 2020. Keputusan ujian rT-PCR kes pada ketika itu adalah negatif COVID-19 dan kes dibenarkan untuk masuk ke Sarawak. Pada 6 Oktober 2020, kes telah menjalani ujian saringan hari ke-10 di Klinik Kesihatan Bintulu dan ujian rT-PCR kes telah didapati positif COVID-19.

Kes ini juga tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes dikategorikan sebagai kes jangkitan semasa berada di kawasan yang berisiko tinggi iaitu di Sabah. Pengesahan kontak rapat kepada kes ini sedang giat dijalankan.

B. Kluster COVID-19 yang masih aktif.

Hari ini, tiada kluster yang aktif di Sarawak.

C. Status Kes COVID-19 di dalam wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan bahawa **terdapat satu (1)** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj baharu ini adalah dari Hospital Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes postif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **684** orang atau **94.48%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital telah meningkat seramai tiga (3) orang menjadikan jumlah keseluruhan ialah seramai **21 orang** iaitu sebelas (11) kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, enam (6) kes di Hospital Miri, tiga (3) orang di Hospital Sibu dan satu (1) kes Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.62%.**

Hari ini **empat (4) PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Kuching telah kembali berstatus hijau selepas tiada kes jangkitan tempatan dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Sibu dan Lawas pula kekal berstatus Kuning. Daerah Lawas kekal dengan tiga (3) kes jangkitan tempatan dan Daerah Sibu juga kekal dengan dua (2) kes jangkitan tempatan yang dikesan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah dua (2) buah daerah dan 38 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

E. Pengisytiharan pergerakan kemasukan ke Sarawak.

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memohon semua penumpang atau pelawat yang ingin memasuki Sarawak supaya membuat pengisytiharan yang betul dan benar berkaitan tempat atau negeri yang pernah dilawati dalam tempoh 14 hari sebelum penerangan atau kemasukkan ke Sarawak. Kegagalan atau keengganan pelawat atau individu tertentu untuk membuat pengisytiharan yang tetap boleh membawa kepada perebakan penyakit ke dalam Sarawak. Perbuatan ini juga telah melanggar kehendak undang-undang dan boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN

Pihak PDRM telah mengeluarkan **28 notis** kompaun telah dikeluarkan di Miri (19), Kuching (8) dan Betong (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **92 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan BDA (36), DBKU (21), SMC (14), MD Marudi (8), MDMJ (5), MBKS (3), MD Serian (3) dan MPKS (2).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

PDRM akan terus memperketatkan Garis Panduan (SOP) termasuk pemakaian pelitup topeng muka di tempat awam. Hari ini sebanyak **1,513 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (127), Restoran (281), Kilang (22), Bank (91), Pejabat Kerajaan (25), Penjaja (135), Pasar Tani/Awam (75), Tempat Ibadah (67), Tempat Riadah (39), Tapak Pembinaan (11) dan lain-lain (640).

Seramai **543 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (259), ATM (36), RELA (120), APM (83) dan PBT (45).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,009** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

07 OKTOBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

| | | | | |
|--------------------------|---------|---|------|-----------|
| Kes Terdahulu | 721 | Kes sedang dirawat di hospital | 21 | 2.90% |
| Kes Baharu | 3 | Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i> | 0 | 0.00% |
| Jumlah Individu Disampel | 119,783 | Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>) | 0 | 0.00% |
| Kes Positif Keseluruhan | 724 | Jumlah kes kematian | 19 | 2.62% |
| IR per 100,000 penduduk | 23.47 | Kes telah sembuh dan discaj | 684 | 94.48% |
| Keputusan Makmal (PUI) | Baru | <i>Patient Under Investigation (PUI)</i> | Baru | Kumulatif |
| Negatif | 0 | | 4 | 9,773 |
| Menunggu keputusan | 1 | | 1 | |

| Status Semasa | | SGH Kuching | Hospital Sibu | Hospital Bintulu | Hospital Miri | Hospital Sungai Buloh | JUMLAH |
|---|-----------|-------------|---------------|------------------|---------------|-----------------------|--------|
| Kes sedang dirawat di hospital | 11 | 3 | 1 | 6 | 0 | 21 | |
| Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i> | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah kes kematian | 17 | 0 | 0 | 2 | 0 | 19 | |
| Kes telah sembuh dan discaj | Baru | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 |
| | Kumulatif | 576 | 35 | 39 | 32 | 2 | 684 |
| Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>) | | 9 | 9 | 3 | 1 | 0 | 22 |

| DAERAH KUNING (2) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------|--------|-----------------------------|------|--------------|------|------------|------|----------|------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Sibu | 0 | 114 | 0 | 15 | 0 | 11 | 0 | 0 | 4 | 4 | 2 |
| 2 | Lawas | 0 | 18 | 0 | 4 | 0 | 1 | 0 | 0 | 3 | 3 | 3 |
| | Jumlah | 0 | 132 | 0 | 19 | 0 | 12 | 0 | 0 | 7 | 7 | 5 |

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

| DAERAH HIJAU (38) | | | | | | | | | | | | |
|-------------------|---------------|-----------------------------|--------------|--------------|------------|------------|------------|----------|-----------|---|---|--|
| No. | Daerah | Patient Under Investigation | | Kes COVID-19 | | Kes Discaj | | Kematian | | Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif) | Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari | Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari |
| | | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | Baru | Kum. | | | |
| 1 | Kuching | 2 | 6,479 | 1 | 439 | 1 | 418 | 0 | 12 | 9 | 9 | 0 |
| 2 | Serian | 0 | 310 | 0 | 24 | 0 | 24 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Bintulu | 1 | 294 | 1 | 40 | 0 | 39 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 |
| 4 | Lundu | 0 | 247 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Bau | 0 | 176 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Samarahan | 0 | 566 | 0 | 112 | 0 | 108 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Simunjan | 0 | 61 | 0 | 8 | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 8 | Tanjung Manis | 0 | 23 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 9 | Tebedu | 0 | 6 | 0 | 3 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 10 | Limbang | 0 | 31 | 0 | 9 | 0 | 8 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| 11 | Miri | 0 | 837 | 0 | 27 | 0 | 23 | 0 | 1 | 3 | 3 | 0 |
| 12 | Asajaya | 0 | 43 | 0 | 5 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 13 | Sri Aman | 1 | 53 | 1 | 4 | 0 | 2 | 0 | 1 | 1 | 1 | 0 |
| 14 | Betong | 0 | 188 | 0 | 16 | 0 | 16 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 15 | Mukah | 0 | 48 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 16 | Matu | 0 | 5 | 0 | 1 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17 | Sarikei | 0 | 92 | 0 | 6 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 18 | Saratok | 0 | 26 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 19 | Pusa | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 20 | Kabong | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 21 | Lubok Antu | 0 | 21 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 22 | Meradong | 0 | 35 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 23 | Julau | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 24 | Pakan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 25 | Kanowit | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 26 | Selangau | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 27 | Tatau | 0 | 8 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 28 | Sebauh | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 29 | Dalat | 0 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 30 | Daro | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 31 | Kapit | 0 | 34 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 32 | Belaga | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 33 | Song | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 34 | Bukit Mabong | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 35 | Marudi | 0 | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 36 | Subis | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 37 | Beluru | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 38 | Telang Usan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Jumlah | | 4 | 9,641 | 3 | 705 | 1 | 672 | 0 | 19 | 14 | 14 | 0 |

| | | | | | | | | | | | |
|---------------------|----------|--------------|----------|------------|----------|------------|----------|-----------|-----------|-----------|----------|
| Jumlah Besar | 4 | 9,773 | 3 | 724 | 1 | 684 | 0 | 19 | 21 | 21 | 5 |
|---------------------|----------|--------------|----------|------------|----------|------------|----------|-----------|-----------|-----------|----------|

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **110 Person Under Surveillance** (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **15 buah hotel** adalah seramai **1,587 orang**. Manakala seramai **25,079 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 07.10.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|-------------------|---------------|-------------------------|--------------|
| 1 | Kuching (955) | Hock Lee | 74 |
| 2 | | Kuching Park | 85 |
| 3 | | Hilton | 293 |
| 4 | | Harbour View | 269 |
| 5 | | Riverside (Astana Wing) | 234 |
| 6 | Miri (403) | Imperial Palace | 98 |
| 7 | | Eastwood Valley | 69 |
| 8 | | Meritz | 121 |
| 9 | | Dynasty | 115 |
| 10 | Bintulu (18) | Motel Kapok | 12 |
| 11 | | Faber Inn | 6 |
| 9 | Limbang (98) | Purnama | 15 |
| 10 | | Shangshan (Lawas) | 62 |
| 11 | | Mandarin (Lawas) | 21 |
| 12 | Sibu (113) | Premier | 113 |
| Jumlah PUS | | | 1,587 |

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **4 lokasi di Miri (2), Kuching (1) dan Kapit (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,702 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 07.10.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | OPERASI SEMASA | OPERASI TERKUMPUL |
|---------------------------|-----------------|-----------------------|--------------------------|
| 1 | Kuching | 1 | 535 |
| 2 | Miri | 2 | 308 |
| 3 | Sibu | TIADA | 174 |
| 4 | Samarahan | TIADA | 120 |
| 5 | Bintulu | TIADA | 113 |
| 6 | Sarikei | TIADA | 110 |
| 7 | Limbang | TIADA | 80 |
| 8 | Serian | TIADA | 64 |
| 9 | Betong | TIADA | 54 |
| 10 | Kapit | 1 | 51 |
| 11 | Mukah | TIADA | 48 |
| 12 | Sri Aman | TIADA | 45 |
| Jumlah Keseluruhan | | | 1,702 |

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **51 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 07.10.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1 | MP Padawan | 3 |
| 2 | MD Serian | 3 |
| 3 | MD Sri Aman | 6 |
| 4 | MP Sibu | 9 |
| 5 | BDA | 2 |
| 6 | MCC | 15 |
| 7 | MD Marudi | 6 |
| 8 | MD Limbang | 2 |
| 9 | MD Lawas | 5 |
| Jumlah | | 51 |